

KEMALANGAN & KESIHATAN

MULTI PA-PROTECTOR



Ahli PIDM

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Generali Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)



MULTI PA-PROTECTOR

Personal Accident Insurance

Malang sememangnya tidak berbau, kerana itu memiliki insurans kemalangan yang komprehensif adalah penting bagi meneruskan kehidupan.

Kejadian yang tidak diingini boleh mengakibatkan perubahan terhadap kehidupan anda. Ianya turut memberi kesan ke atas kebajikan dan gaya hidup keluarga tersayang.

Tapi kini anda boleh bergantung harapan kepada **MULTI PA-PROTECTOR**.

KEUNIKANNYA

Faedah Kewajipan Kewangan

Kami akan membayar baki untuk pinjaman perumahan dan pinjaman kenderaan bagi tempoh enam bulan pembayaran dan baki Kad Kredit pada tarikh kemalangan. Jumlah had pembayaran bergantung kepada jumlah yang diinsuranskan.

SATU POLISI UNTUK SEMUA

Perlindungan untuk seisi keluarga dengan hanya memiliki satu polisi disamping penjimatan untuk perlindungan anak-anak anda. Apabila anda dan pasangan anda membeli **Multi PA-Protector**, anda boleh memilih untuk melindungi anak-anak anda dengan kadar premium yang minima.

BAYARAN EKSPRES UNTUK PERKABUNGAN

Faedah Perkabungan

Kami akan membayar Faedah Perkabungan dalam tempoh satu hari bekerja kepada penama selepas pemberitahuan dibuat.

HARGA YANG TERMAMPU

Untuk pembaharuan, jika anda tidak membuat sebarang tuntutan, anda akan menikmati diskaun seperti berikut (Hanya untuk polisi individu):

POTONGAN PREMIUM PEMBAHARUAN	
Pembaharuan tahun pertama	Potongan 10% ke atas premium pembaharuan
Pembaharuan tahun kedua & selanjutnya	Potongan 15% ke atas premium pembaharuan

FAEDAH YANG KOMPREHENSIF

Ketidakupayaan Kekal Atau Kematian

Pembayaran penuh sekiranya kematian, atau ketidakupayaan kekal yang diakibatkan oleh kemalangan.

Faedah Perubatan

Pembayaran balik bagi perbelanjaan perubatan disebabkan oleh kemalangan, termasuk rawatan secara perubatan tradisional.

Pemulihan (5 Hari)

Jika anda dimasukkan ke hospital untuk 5 hari berturut-turut disebabkan oleh kemalangan, kami akan membayar faedah untuk pemulihan.

Liabiliti Diri

Perlindungan liabiliti di bawah undang-undang anda ke atas kecederaan atau kerosakan harta benda pihak ketiga.

Kos Pemindahan Jenazah (Luar Negara)

Sekiranya kematian berlaku di luar Negara, pembayaran balik berdasarkan kos sebenar untuk membawa pulang jenazah ke Malaysia.

Elaun Pendapatan Hospital

Sekiranya anda dimasukkan ke hospital lebih dari 5 hari berturut-turut, elaun harian tunai untuk tempoh 365 hari akan dibayar dari hari keenam anda berada di hospital.

Kecederaan Fizikal

Kecederaan yang dialami oleh Orang Yang Diinsuranskan akibat kemalangan secara langsung kecuali kecederaan yang disebabkan oleh penyakit, jangkitan penyakit atau masalah perubatan, gigitan nyamuk tidak berbahaya, gigitan serangga, dan / atau penyakit yang disebabkan oleh vektor.

PERLINDUNGAN TAMBAHAN

Faedah Mingguan

Jika anda tidak dapat bekerja dan mendapat sijil sakit (MC) yang sah, tetapi tidak diwadkan ke hospital, anda berhak menerima faedah mingguan.



PERLINDUNGAN DILANJUTKAN

- Sukan Air
- Ski Air
- Rampasan
- Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam
- Sukan Amatur
- Serangan Binatang
- Gigitan Serangga Berbahaya
- Pembunuhan yang tidak diprovokasi dan serangan
- Lemas
- Sesak nafas kerana asap beracun
- Lemas disebabkan oleh asap dan gas beracun
- Keracunan makanan dan minuman
- Bencana alam seperti gempa bumi
- Sukan musim sejuk
- Aktiviti Skuba
- Memburu
- Mendaki Gunung (tidak termasuk yang menggunakan tali)
- Permainan Polo
- Kehilangan
- Terdedah kepada malapetaka semulajadi

PENGECUALIAN

- i. Peperangan, penaklukan, pencerobohan kuasa asing, penseteruan (permusuhan), perang saudara, penentangan, revolusi, pemberontakan rakyat, rampasan kuasa oleh pihak tentera atau lain-lain
- ii. Pemerintahan tentera atau semasa darurat
- iii. Sawan, sakit angin pasang, penyakit kelamin, AIDS, kehamilan, bersalin, keguguran, dalam tempoh pantang atau komplikasi berkaitan bersalin, ubat-ubatan yang tidak ditentukan oleh doktor, membunuh diri, kecederaan yang disengajakan
- iv. Tidak waras atau sakit mental
- v. Melakukan penerbangan sebagai juruterbang atau krew penerbangan di dalam mana-mana pesawat
- vi. Berlumba lari berhalangan, seni mempertahankan diri (semasa pertandingan) dan semua acara lumba yang bukan menggunakan kaki
- vii. Aktiviti-aktiviti sukan profesional
- viii. Aktiviti-aktiviti sukan di udara
- ix. Pancaran dan pencemaran radioaktif
- x. Ancaman pengganas

PEMBAYARAN MUDAH

Cara Pembayaran Mudah

Selain pembayaran secara tunai atau cek, pembayaran premium juga boleh dibuat melalui kad kredit anda.

KLASIFIKASI PEKERJAAN

Kelas 1 : Profesion dan pekerjaan melibatkan tugasan bukan manual, pentadbiran atau pengkeranian, hanya di pejabat atau tempat yang tidak berbahaya.

Kelas 2 : Profesion dan pekerjaan yang kadangkala melibatkan kerja manual ringan, atau yang melibatkan perjalanan, atau tugas penyeliaan, pendedahan kepada risiko daripada bahaya khas.

Kelas 3 : Profesion dan pekerjaan melibatkan kerja manual ringan tetapi tidak melibatkan penggunaan alatan kuasa seperti memotong, mengisar, atau alatan menggergaji atau melombong, pembalakan dan aktiviti lain yang serupa yang bersifat berbahaya.

Pekerjaan Yang Perlu Dirujuk

- i. Krew penerbangan, juruterbang
- ii. Pembuat dan pengendali bahan letupan
- iii. Ahli bomba
- iv. Pekerja bawah tanah
- v. Nelayan
- vi. Pekerja lombong

Notis: Pencadang yang tergolong dalam klasifikasi pekerjaan di atas boleh diinsuranskan di bawah polisi ini tetapi perlindungan tidak termasuk semasa mereka sedang menjalankan tugas yang berkaitan dengan pekerjaannya.

Pekerjaan-pekerjaan Yang Dikecualikan

- i. Pegawai tentera dan pegawai penguatkuasa undang-undang
- ii. Penghibur profesional
- iii. Kelasi kapal
- iv. Penunggang kuda lumba
- v. Kumpulan ahli sukan profesional
- vi. Pemandu lumba sukan bermotor

Notis: Risalah ini bukannya satu dokumen kontrak. Sila rujuk pada polisi untuk keterangan lanjut mengenai syarat- syarat yang telah ditetapkan.

JADUAL FAEDAH

PELAN	MP1 (RM)	MP2 (RM)	MP3 (RM)	MP4 (RM)
FAEDAH				
Kematian & Hilang Keupayaan Kekal	50,000	100,000	200,000	300,000
• Bermotosikal (75% daripada kematian & hilang keupayaan kekal)	37,500	75,000	150,000	225,000
Faedah Tanggungan Kewangan	10,000	10,000	15,000	20,000
Perkabungan	3,000	3,000	3,000	3,000
Pemindahan (luar negara)	5,000	5,000	5,000	5,000
Perbelanjaan Perubatan	3,000	5,000	7,000	9,000
• Rawatan Traditional (Maksimum RM 50 bagi setiap lawatan)	350	350	350	350
Cuti sembuh (maksimum 5 hari)	1,000	1,000	1,000	1,000
Elaun Harian Tunai Hospital (Lebih dari 5 hari)	75	100	125	150
Liabiliti Diri	50,000	75,000	100,000	125,000
Opsyen				
Faedah Mingguan	50	75	125	175

PREMIUM TAHUNAN

PELAN	MP1 (RM)	MP2 (RM)	MP3 (RM)	MP4 (RM)
Kelas 1 dan 2	-	138.00	238.00	338.00
Kelas 3	128.00	218.00	-	-
Dengan Faedah Mingguan				
Kelas 1 dan 2	-	168.00	278.00	388.00
Kelas 3	155.00	255.00	-	-

KELAYAKAN

- Umur Kelayakan: 16 hingga 65 tahun (Pembaharuan sehingga 70 tahun)

PERLINDUNGAN UNTUK KANAK-KANAK

Faedah	Jumlah Diinsuranskan
Kematian & Hilang Keupayaan Kekal	RM 20,000
Faedah Rawatan	RM 3,000
• Rawatan Traditional (Maksimum RM 50 bagi setiap lawatan)	RM 350
Perkabungan	RM 3,000
Premium Tahunan RM15.00 seorang anak	

- Kanak-kanak berumur dari 1 bulan hingga 23 tahun, dengan syarat kedua-dua suami isteri turut sama dilindungi.
- Notis:** Anak-anak yang berumur sehingga 23 tahun boleh dilindungi oleh pelan ini sekiranya mereka dibawah tanggungan anda dan belajar sepenuh masa.
Premium perlu dibayar tertakluk kepada cukai perkhidmatan 8% dan duti setem RM10.00.



Generali Insurance Malaysia Berhad

197501002042 (23820-W)

Pusat Khidmat Pelanggan Generali

Level 1, Menara Generali,
27 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.



www.generali.com.my



1 300 13 2121 atau +603 3007 2121



customer.service.gi@generali.com.my



Generali Insurance Malaysia Berhad dlesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat BNMLINK untuk aduan / pertanyaan:

Tingkat 4, Podium Bangunan AICB, No. 10, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300-88-5465 (Luar Negara: +603 2174 1717) Laman Web BNMLINK: bnm.gov.my/BNMLINK

Risalah ini bukan kontrak insurans. Terma, syarat dan definisi yang tepat dinyatakan dalam polisi insurans.

Nota Penting:

1. Sila baca risalah ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Polisi Insurans Multi PA-Protector. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am yang terdapat pada Lembaran Pendedahan Produk.
2. Anda hendaklah membaca dan memahami polisi insurans dan berbincang dengan pengantara insurans anda atau hubungi kami terus untuk keterangan lanjut.